

KENYATAAN AKHBAR PENERUSI SPPP UNTUK EDARAN SEGERA



DOKUMEN REQUEST FOR PROPOSAL : SPPP/RFP/2021-01- TAWARAN PAJAKAN 5 BUAH FERI IKONIK PULAU PINANG UNTUK DIJADIKAN MUZIUM TERAPUNG DAN / ATAU RESTORAN TERAPUNG DAN / ATAU FERI PELANCONGAN SELAMA 10 TAHUN DENGAN OPSYEN PENYAMBUNGAN SELAMA 5 TAHUN

27 JANUARI 2021 – PENERUSI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP) Y. BHG. DATUK TAN TEIK CHENG MEMAKLUMKAN BAHAWA SPPP AKAN MENGELUARKAN DOKUMEN *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)* BAGI TAWARAN PAJAKAN 5 BUAH FERI IKONIK PULAU PINANG UNTUK DIJADIKAN MUZIUM TERAPUNG DAN / ATAU RESTORAN TERAPUNG DAN / ATAU FERI PELANCONGAN SELAMA 10 TAHUN DENGAN OPSYEN PENYAMBUNGAN SELAMA 5 TAHUN.

TAWARAN INI BAGI MELAKSANAKAN KEPUTUSAN YB MENTERI PENGANGKUTAN YANG SEDIA MAKLUM TENTANG SENTIMENT BUDAYA DAN WARISAN NEGERI RAKYAT PULAU PINANG TERHADAP FERI IKONIK PULAU PINANG.

IKLAN RFP INI AKAN DIPAPARKAN DI DALAM LAMAN WEB SPPP www.penangport.gov.my, DI AKHBAR PERDANA SERTA DI MEDIA SOSIAL SPPP. DOKUMEN RFP AKAN MULA DIJUAL PADA 29 JANUARI 2021. TARIKH TUTUP UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERMINAT MEMBELI DOKUMEN RFP ADALAH PADA 15 FEBRUARI 2021. BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN, DOKUMEN RFP HANYA BOLEH DIPEROLEHI SECARA ATAS TALIAN. TARIKH TUTUP UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERMINAT MENGEMUKAKAN CADANGAN ADALAH PADA 19 MAC 2021. SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERKELAYAKAN DAN ORANG RAMAI ADALAH DIPELAWA UNTUK MEMBERI CADANGAN TERHADAP TAWARAN INI.

KENYATAAN AKHBAR PENERUSI SPPP UNTUK EDARAN SEGERA

PADA 11 JANUARI 2021, YB ZAIRIL KHIR JOHARI MEWAKILI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN Y. BHG. DATUK TAN TEIK CHENG, PENERUSI SPPP TENTANG FERI IKONIK PULAU PINANG. DALAM PERBINCANGAN TERSEBUT, Y.BHG DATUK PENERUSI SPPP TELAH MEMOHON KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK MENGEMUKAKAN SEBARANG RANCANGAN TERHADAP FERI IKONIK PULAU PINANG. OLEH ITU, PADA 18 JANUARI 2021, YB ZAIRIL TELAH MEMAKLUMKAN BAHAWA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHASRAT AGAR SEBUAH FERI IKONIK PULAU PINANG DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI. MENGAMBILKIRA HUBUNGAN SERTA KERJASAMA BAIK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DAN KEDUA-DUA PIHAK MEMPUNYAI MATLAMAT YANG SAMA IAITU DEMI KEPENTINGAN RAKYAT PULAU PINANG MAKA SPPP BERSETUJU MENGHADIAHKAN SEBUAH FERI KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.

**DATUK TAN TEIK CHENG,
PENERUSI
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
27 JANUARI 2021**

-TAMAT-

**Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal,
No. 1A, Pesara King Edward, 10300
George Town, Pulau Pinang**

**Pertanyaan Media
Unit Khidmat Korporat, SPPP
Tel +604 263 3211
Faks +604 263 2623**